

Bukan Islam diminta jangan ragu - ragu

UM 10 JUL 1990

KUALA LUMPUR 9 Julai — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menggesa orang bukan Islam supaya jangan meragui dasar penerapan nilai-nilai Islam kerana ia akan membawa kebaikan kepada pentadbiran negara dan semua penduduk Malaysia.

Dalam pada itu Perdana Menteri juga menyelar golongan melampau Islam yang menakutkan bukan Islam dengan tuntutan supaya mereka itu patuh kepada ajaran Islam.

"Mereka ini kadang-kadang melampau sehingga orang Islam sendiri berasa tertekan dengan cara-cara mereka," ujar beliau lagi.

Katanya, orang Islam sendiri rasa tertekan akibat tafsiran mereka itu tentang cara-cara hendak menerap nilai-nilai itu.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan-soalan dalam rancangan 'Isu Semasa' yang disiarkan oleh RTM malam ini. (Lagi berita di muka 2).

Beliau ditanya sama ada kebimbangan orang bukan Islam terhadap dasar penerapan nilai-nilai Islam kerajaan telah menular akibat tuntutan-tuntutan melampau dalam Islam sendiri.

Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan kerajaan te-

lah menjelaskan apakah nilai-nilai Islam yang hendak diterapkan.

Malangnya, tambah beliau, ada pihak-pihak lain yang membuat tafsiran mereka sendiri.

Menurutnya, mereka itu berpendapat sekiranya dasar tersebut hendak dilaksanakan, beberapa perkara mesti ditukar.

Perdana Menteri kemudian menghuraikan bagaimana pihak-pihak itu menentang Amanah Saham Nasional (ASN). Kononnya ia haram.

Beliau menuduh mereka itu menentang semua perkara sehingga kalau boleh mereka ingin asingkan orang Islam sama sekali dari arus hidup moden.

Mereka juga tidak mahu wanita bekerja melainkan tinggal di rumah dan memakai purdah, katanya lagi.

Dato' Sri Dr. Mahathir percaya pihak-pihak melampau itu akan menonjolkan pendirian yang sama walaupun katakanlah kerajaan tidak mengadakan dasar itu.

Beliau berharap masyarakat bukan Islam akan memahami tujuan kerajaan berhubung dasar tersebut.